

# STRATEGI PENGAJARAN MUFRADAT (KOSA KATA) BAHASA ARAB DI SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## *TEACHING STRATEGY OF ARABIC VOCABULARY IN RELIGIOUS SCHOOLS OF BRUNEI DARUSSALAM*

Hambali Jaili<sup>1</sup>, Nurul Majeedah Hamdan<sup>2</sup>, Nurul Azimah Abdul Hamid<sup>3</sup>

### **ABSTRAK**

*Pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama mula diperkenalkan pada tahun 2011 sebagai matapelajaran wajib. Kurikulum Bahasa Arab dibentuk khas oleh Unit Kurikulum, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan dibantu oleh beberapa pakar bahasa Arab dari Kementerian Pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji apakah pendekatan pengajaran mufradat yang diaplikasikan oleh guru-guru bahasa Arab di sekolah-sekolah agama dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Bagi mendapatkan data kajian, satu set borang soal selidik dibina dengan mengambil kira pandangan cendekiawan pendidikan bahasa Arab melalui sorotan kajian. Borang tersebut diedar kepada 215 responden yang terdiri daripada guru-guru bahasa Arab di sekolah-sekolah agama. Dapatan kajian ini menunjukkan para guru menggunakan pendekatan pengajaran mufradat yang dicadangkan oleh cendekiawan pendidikan bahasa Arab.*

**Kata kunci:** Strategi, Pengajaran, Kosa Kata, Bahasa Arab, Sekolah Agama

### **ABSTRACT**

*The teaching of Arabic in religious schools was first introduced in 2011 as a compulsory subject. The curriculum is specially formulated by the Curriculum Unit, Department of Islamic Studies, Ministry of Religious Affairs with the assistance of several Arabic language experts from the Ministry of Education. This study aims to examine what are the vocabulary teaching approaches applied by Arabic language teachers in religious schools in their teaching and learning process. To obtain the study data, a set of questionnaires was constructed by taking into account the views*

---

<sup>1</sup> Hambali Jaili, Penolong Profesor Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam, [hambali.jaili@unissa.edu.bn](mailto:hambali.jaili@unissa.edu.bn)

<sup>2</sup> Pg Nurul Majeedah Pg Haji Hamdan, Penolong Pensyarah, Pusat Bahasa, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, [majeedah.hamdan@kupu-sb.edu.bn](mailto:majeedah.hamdan@kupu-sb.edu.bn)

<sup>3</sup> Nurul Azimah Haji Abd Hamid, Penolong Pensyarah, Pusat Bahasa, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, [azimah.hamid@kupu-sb.edu.bn](mailto:azimah.hamid@kupu-sb.edu.bn)

*of scholars of Arabic language education through the highlights of the study. The form was distributed to respondents who were Arabic language teachers in religious schools. The findings of this study show that the teachers apply the vocabulary teaching approach expressed by scholars of Arabic language education.*

**Keywords:** *Strategy, Teaching, Vocabulary, Arabic, Religious Schools*

## **Pengenalan**

Penguasaan kosa kata merupakan faktor penting dalam menentukan kemampuan berbahasa. Tanpa kosa kata kemahiran-kemahiran bahasa seperti membaca, mendengar, menulis dan bertutur tidak mungkin dikuasai oleh seseorang pelajar (Zhang & Li, 2011). Ia umpama jantung kepada bahasa (Hunt & Beglar, 2005) dan merupakan aspek yang sukar untuk dikuasai dengan jumlah yang besar oleh kebanyakan pelajar bahasa kedua (Meara, 1980). Pelbagai pendekatan dan strategi telah diperkenalkan oleh para penyelidik ke arah menjadikan pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dalam menguasai kosa kata. Penguasaan kosa kata bukan sahaja telah menarik intuitif para guru dan pelajar bahasa bahkan juga menjadi topik kajian yang popular dalam dua dekad terakhir (Gu, 2010).

Kajian-kajian yang meneliti hubungan penggunaan strategi pembelajaran bahasa (SPB) dengan penguasaan bahasa mendapati hubungan yang signifikan di antara keduanya (O'Malley, Chamot, Stewner, Russo & Kupper, 1985; Gu & Johnson 1996; Kojic-Sabo & Lightbown, 1999; Tseng & Schmitt 2008). Lantaran itu bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa mengalami perubahan dengan penekanan kepada pelajar dan pembelajaran berbanding kepada pengajaran guru (Nurazan, 2004). Hasilnya strategi pembelajaran bahasa telah menjadi salah satu bidang penyelidikan yang berkembang subur dan banyak karya yang berkaitan dengannya telah diterbitkan. Walau bagaimanapun perhatian terhadap strategi pembelajaran kosa kata masih berkurangan (Schmitt, 1997).

Hasil kajian bidang psikologi kognitif telah menunjukkan bahawa pelajar yang berjaya, mempunyai cara yang berkesan untuk memproses maklumat dan strategi tersebut boleh diajar kepada pelajar lain (Nambiar, 2009). Pendedahan terhadap strategi pembelajaran akan membantu mereka untuk mencari makna sesuatu perkataan baharu, menyimpannya dalam ingatan dan seterusnya berusaha untuk menggunakan perkataan tersebut (Siriwan, 2007). Penggunaan strategi

pembelajaran kosa kata yang berkesan juga bukan sahaja membantu pelajar memperoleh kosa kata baharu tetapi dapat meningkatkan kemahiran berbahasa (Kojic-Sabo & Lightbown, 1999).

### **Pernyataan Masalah**

Fakta sejarah penyelidikan strategi pembelajaran bahasa memperlihatkan peningkatan tumpuan para penyelidik terhadap strategi penguasaan kosa kata. Namun, usaha tersebut masih belum memadai dan penyelidikan yang berkaitan dengannya mesti diteruskan (Tassana-ngam, 2004). Dalam usaha memantapkan kebolehan bahasa Arab dalam kalangan murid di peringkat sekolah-sekolah agama terdapat permasalahan utama yang perlu diberi perhatian, iaitu kelemahan pelajar dalam penguasaan mufradat. Faktor ini akan memberi kesan negatif kepada murid dalam usaha menguasai bahasa Arab, baik dalam penguasaan kemahiran mahupun dalam keputusan ujian dan peperiksaan.

Faktor kelemahan penguasaan mufradat ini boleh menyebabkan pelajar tidak dapat memahami perkataan atau ayat yang dibaca, seterusnya tidak dapat memahami dan membina prosa. Begitu juga dari aspek maharah al-kalam (komunikasi) pula, kelemahan penguasaan mufradat menyebabkan pelajar tidak dapat berkomunikasi sekalipun bagi ungkapan yang mudah.

Banyak faktor yang mendorong ke arah ketidakupayaan pelajar menguasai mufradat dengan baik, antaranya kelemahan guru dalam memilih metod dan kaedah pengajaran yang tepat. Justeru hal tersebut secara langsung menyumbang kelemahan pelajar menguasai mufradat dengan berkesan. Kajian ini cuba meneliti tentang adakah pendekatan guru-guru bahasa Arab di sekolah-sekolah agama menggunakan kaedah atau 'turuq' yang diutarakan oleh sarjana pendidikan Bahasa Arab dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan mengetahui apakah kaedah pendekatan yang banyak digunakan oleh mereka dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

### **Definisi Mufradat (Kosa Kata)**

Perbendaharaan kata dalam bahasa Arab disebut sebagai mufradat. Dalam bahasa Inggeris pula disebut sebagai vocabulary ialah himpunan perkataan yang diketahui oleh seseorang atau kumpulan etnik lain yang merupakan sebahagian daripada bahasa tertentu. Menurut Horn, kosa kata ialah himpunan perkataan yang membentuk sesuatu bahasa. Peranan perbendaharaan kata dalam menguasai keempat-empat kemahiran bahasa tersebut amat diperlukan. Vallet menyatakan

bahawa kemampuan memahami keempat-empat kemahiran bahasa adalah sangat bergantung kepada penguasaan kosa kata seseorang.

Perkataan (kalimah) adalah unit bahasa terkecil yang berdiri sendiri. Definisi ini menerangkan perbezaan antara perkataan dan morfem. Morfem ialah unit bahasa terkecil yang mempunyai makna. Justeru, kadangkala morfem boleh berdiri sendiri dan kadangkala ia juga terikat. Sebagai contoh, perkataan *لَمْ* terdiri daripada satu morfem, manakala *المعلم* terdiri daripada dua morfem iaitu *ال* dan *معلم*. Dan perkataan *اللمون* terdiri daripada tiga morfem iaitu *لم*, *ال* dan setiap morfem di atas mempunyai maksud yang tersendiri. Selain itu, ia juga kadangkala berbentuk kata dasar atau merupakan kata berimbuhan. Jika imbuhan, kata itu mempunyai akar atau kata dasar mempunyai satu atau lebih imbuhan. Kata dasar *استعلم* ialah *لم* dan akhiran ialah *است*. Pada lafaz *ا* boleh di tengah yang dinamakan sisipan seperti *الألف* pada lafaz *ادم*, boleh juga dipanggil imbuhan seperti di *ادمون*. Dari beberapa pengertian kosa kata (mufradat) di atas, dapat disimpulkan bahwa kosa kata (mufradat) adalah kumpulan kosa kata yang lazim digunakan oleh seseorang baik secara lisan mahupun tulisan yang sudah mempunyai pemahaman dan penjelasan tentang hasil terjemahan.

Dalam konteks pembelajaran kosa kata, guru seharusnya mengajar murid-muridnya supaya memberi perhatian kepada unsur-unsur pembentukan kata antaranya imbuhan: awalan, sisipan dan akhiran, kerana imbuhan merupakan morfem yang mempunyai makna yang sangat sering ditemui dalam majoriti bahasa, termasuk bahasa Arab. Sekiranya pelajar memahami maksud setiap imbuhan ini, maka mereka akan mudah memahami maksud perkataan lain. Lebih-lebih lagi jika perlu memahami makna asas perkataan tersebut. Dalam hal ini, guru harus memberi perhatian kepada tahap kemampuan dan kecerdasan pelajar.

### **Pendekatan Pengajaran Mufradat**

Mufradat merupakan aset penting dalam mempelajari bahasa asing khususnya Bahasa Arab. Bahasa yang baik bergantung kepada penguasaan kosa kata yang baik. Makna suatu perkataan atau ayat tidak akan dapat difahami melainkan melalui bahasa yang mengandungi mufradat. Tahap penguasaan bahasa asing diukur pada penguasaan kosa kata. Begitu juga percakapan dalam bahasa asing tidak akan dapat dikuasai melainkan dengan adanya perbendaharaan kosa kata yang mencukupi untuk menjelaskan situasi tertentu.

Penguasaan kosa kata akan dapat dicapai melalui pengumpulan perkataan yang terdapat dalam ayat. Kemampuan menghimpun perkataan semata-mata tidak akan dapat membantu untuk berkomunikasi. Ini kerana kosa kata hendaklah diambil daripada ayat yang boleh menunjukkan makna penggunaannya dalam susunan yang betul.

Rosni Samah (2009:62) menjelaskan beberapa pendekatan yang boleh digunakan bagi meningkatkan penguasaan kosa kata. Antaranya ialah menggunakan kaedah latih tubi, soal dan jawab terhadap murid supaya mereka boleh menggunakannya setiap masa, mengemukakan pelbagai situasi dialog dan cerita yang berkisar tentang kehidupan khususnya persekitaran sekolah, mendedahkan situasi berhubung dengan aktiviti kemasyarakatan dan situasi yang boleh membantu pelajar dalam penggunaan bahasa Arab.

Dalam penguasaan kosa kata ini, pelajar akan menghadapi masalah utama dalam pembelajaran mereka. Masalah tersebut ialah kesukaran mengingat perkataan yang betul dan mengaplikasikannya ketika hendak bercakap. Masalah tersebut boleh diatasi dengan beberapa kaedah seperti mengumpul perkataan yang mempunyai hubungan terus dengan situasi yang selalu digunakan, memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan aktiviti latih tubi dalam menggunakan perkataan-perkataan yang telah dipelajari dan sentiasa memperingati pelajar dengan perkataan yang sudah diajarkan dan dikuasai secara berkala.

Pembelajaran bahasa Arab yang berkesan hendaklah memberi penekanan kepada penguasaan kosa kata, yang merupakan elemen utama dan aset penting dalam penguasaan bahasa tersebut. Kosa kata yang diperolehi hendaklah dibentuk menjadi ayat. Kelemahan pelajar bahasa Arab pada hari ini adalah berpunca dari kurangnya penguasaan kosa kata. Ini kerana pembelajaran lebih menekankan sudut terjemahan teks serta memusatkan kepada satu pihak sahaja, iaitu guru dengan kurang interaksi dari pihak kedua, iaitu pelajar.

Bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dengan baik, pendedahan kosa kata hendaklah diutamakan. Proses pembelajaran hendaklah diberi penekanan kepada pengumpulan kosa kata dalam pelbagai bidang. Guru hendaklah membimbing pelajar dalam aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan penguasaan kosa kata yang dapat dipertingkatkan melalui kepelbagaian pendekatan pembelajaran. Guru perlulah menjauhi pendekatan terjemah teks bacaan semata-mata, tetapi hendaklah melibatkan pelajar bersamanya bagi mencari makna perkataan dalam teks bacaan.

Dengan adanya interaksi ini, pelajar akan dapat berfikir dan menerima pelajaran dengan mudah, khususnya dalam menguasai kosa kata.

Menurut Virginia (1983) pelajar tidak boleh mengumpul semua perkataan yang terdapat dalam teks bacaan. Mereka hendaklah mengumpul perkataan yang selalu berulang sahaja. Seterusnya perkataan yang kurang dan perkataan yang ganjil. Perkataan yang selalu berulang hendaklah dikumpul dan dihafal bersama ayatnya bagi memudahkan mengingatnya. Kosa kata ini penting bagi membekalkan bahasa yang baik.

*Tu'aimah* (1989:194) membincangkan kepentingan pengajaran kosa kata dengan menegaskan bahawa pengajaran kosa kata dalam pengajaran bahasa merupakan asas utama dan keperluan dalam belajar bahasa kedua. Menguasai kosa kata bermakna pelajar mampu menyebut perkataan dengan sebutan yang betul, memahami maknanya dengan tepat mengikut kehendak ayat, mengetahui pola pecahan dan terbitannya serta mengetahui kaedah membina ayat lengkap. Perkara utama, ialah pelajar mampu memilih kosa kata yang tepat bagi makna yang diungkapkannya. Tidaklah bermaksud di sini, pelajar hanya menghafal kamus dan tidak mampu menggunakan perkataan tersebut dalam membina ayat. Pelajar hendaklah memilih perkataan yang selalu digunakan supaya dapat menggunakannya ketika perlu dengan lebih mudah. Kadar minima bilangan tertentu tidak menjadi pengukur dalam menguasai kosa kata ini. Perkara yang penting ialah pelajar menguasai kosa kata utama yang sentiasa digunakan dan beliau mampu menggunakannya ketika menggambarkan sesuatu peristiwa atau situasi.

### **Metodologi Kajian**

Kajian yang dilaksanakan ini menggunakan pendekatan kualitatif dan berbentuk penerokaan strategi pembelajaran kosa kata yang digunakan oleh guru-guru. Menurut Creswell (2012) kajian yang bertujuan untuk meneroka suatu fenomena yang tidak mempunyai maklumat yang banyak daripada sorotan literatur sangat sesuai menggunakan pendekatan kualitatif. Hal ini kerana pengkaji perlu mempelajari banyak perkara daripada responden dalam usaha untuk meneroka permasalahan yang dikaji. Reka bentuk kualitatif juga merupakan pendekatan naturalistik yang bertujuan untuk memahami fenomena dalam persekitaran sebenar dan pengkaji tidak memanipulasikan fenomena untuk tujuan kajian (Patton, 2002). Pendekatan ini juga memberi keyakinan yang jelas terhadap kesahan, keputusan dan fakta (Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusof, &

Abdul Rahim, 2007) kerana paradigma kualitatif memberi tumpuan kepada responden dan bukannya pengkaji (Auerbach & Silverstein, 2003). Penyelidik kualitatif menemui makna fenomena kajian dari perspektif responden di lapangan semula jadi kajian dan bukannya di bilik eksperimen (Mays & Pope, 1995).

Dalam kajian ini, data diperoleh melalui kajian lapangan dengan menggunakan kaedah protokol berfikir lantang, pemerhatian dan temu bual. Berfikir lantang ialah satu prosedur yang digunakan dalam penyiasatan strategi pelajar iaitu, pelajar berfikir lantang ketika mereka menyiapkan satu tugas supaya penyelidik dapat menemui apakah jenis atau proses pemikiran atau strategi yang mereka gunakan (Richards & Schmidt, 2002). Pendekatan berfikir lantang memberi tumpuan kepada pengalaman pembelajaran yang membolehkan peserta kajian memberi tumpuan kepada apa-apa yang sedang mereka lakukan (Cotton & Gretszy, 2006). Sementara kaedah temu bual sesuai dijalankan dalam kajian kes kerana ia melibatkan pengumpulan dan analisis data kualitatif yang paling mudah (Creswell 2012).

### **Sampel Kajian**

Kajian ini dijalankan terhadap 215 orang guru-guru yang mengajar Bahasa Arab 144 buah sekolah agama di Negara Brunei Darussalam. Bilangan tersebut mewakili 583 guru-guru yang mengajar bahasa Arab secara keseluruhan dan bersesuaian mengikut kadar sampel seperti jadual Krejcie dan Morgan (1970). Mereka diberi borang kaji selidik (*google form*) dari 6 hingga 8 November 2021 secara dalam talian (*whatsapp*).

### **Prosedur Pengumpulan Data Dan Penganalisan Data**

Pengumpulan data adalah menggunakan instrumen soal selidik sepenuhnya. Soal selidik ini telah melibatkan 215 responden. Data yang telah dikumpulkan melalui soal selidik tersebut dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics 20.0*.

Kaedah analisis deskriptif digunakan seperti Min dan Sisihan Piawaian. Kesemua item dalam kajian ini menggunakan analisis min dan sisihan piawaian. Item-item yang digunakan ialah cara guru-guru membuat pemilihan dari segi perkataan kepada pelajar-pelajar di dalam pengajaran bahasa Arab, cara guru-guru menterjemahkan perkataan serta cara pelajar menterjemahkan tugas di dalam pengajaran Bahasa Arab, cara guru-guru menerangkan makna perkataan kepada pelajar-pelajar di dalam pengajaran bahasa Arab, cara guru-guru melakukan pengukuhan

perkataan di dalam pengajaran bahasa Arab dan akhir sekali cara penggunaan bahasa Arab guru-guru dan pelajar-pelajar di dalam pengajaran bahasa Arab. Analisis yang digunakan bagi kajian adalah seperti yang ditunjukkan pada jadual berikut.

**Jadual 1: Analisis yang digunakan**

Bahagian	Item-item	Analisis
A	Pemilihan Perkataan	Min dan Sisihan Piawaian
B	Menterjemah Perkataan	Min dan Sisihan Piawaian
C	Penerangan Makna Perkataan	Min dan Sisihan Piawaian
D	Pengukuhan Perkataan	Min dan Sisihan Piawaian
E	Penggunaan Perkataan	Min dan Sisihan Piawaian

Pengkaji telah menggunakan lima skala likert bagi mengukur tahap kelima-lima item yang telah disebutkan di atas. Lima skala tersebut ialah amat tidak berkaitan, tidak berkaitan, tidak pasti, berkaitan dan amat berkaitan. Berikut adalah jadual skala likert yang digunakan.

**Jadual 2: Skala Likert yang digunakan**

Skala	Tahap
1	Amat Tidak Berkaitan
2	Tidak Berkaitan
3	Tidak Pasti
4	Berkaitan
5	Amat Berkaitan

Melalui nilai min, pengkaji mengkategorikan dan menginterpretasikan nilai min kepada lima tahap seperti yang ditunjukkan pada jadual di bawah.

**Jadual 3: Interpretasi Nilai Min**

Nilai Min	Interpretasi
1.0 hingga 1.8	Sangat Rendah/Tidak Memuaskan
1.9 hingga 2.6	Rendah/Kurang Memuaskan
2.7 hingga 3.4	Sederhana
3.5 hingga 4.2	Tinggi/Memuaskan
4.3 hingga 5.0	Sangat Tinggi/Sangat Memuaskan

Nilai min 1.0 hingga 1.8 menunjukkan tahap sangat rendah, nilai min 1.9 hingga 2.6 berada pada tahap rendah dan nilai min 2.7 hingga 3.4 berada pada tahap sederhana. Manakala nilai min 3.5

hingga 4.2. pula berada pada tahap tinggi dan nilai min 4.3 hingga 5.0 berada pada tahap sangat tinggi.

### Analisis & Dapatan Kajian

Bagi mendapatkan jawapan untuk persoalan kajian tentang pengajaran kosa kata, borang soal selidik diedarkan kepada guru-guru terbabit dengan pengajaran bahasa Arab. Lima bahagian berkenaan kosa kata dikemukakan seperti di bawah:

1. Pemilihan perkataan
2. Menterjemah perkataan
3. Penerangan makna perkataan
4. Pengukuhan perkataan
5. Penggunaan perkataan

Berikut adalah dapatan daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 215 responden mengikut bahagian di atas.

**Jadual 4: Pemilihan perkataan**

Pendekatan	Min	Sisihan Piawaian	Tahap
Saya memberi penekanan kepada perkataan yang berulang	4.20	.676	Tinggi
Saya memberi penekanan kepada perkataan yang mudah disebut	4.24	.567	Tinggi
Saya memberi penekanan kepada perkataan yang khusus dalam bidangnya	4.04	.699	Tinggi
Saya memberi penekanan kepada perkataan baharu ditemui	4.25	.685	Tinggi

Hasil dapatan yang diperolehi dari borang soal selidik menunjukkan guru-guru amat memberi penekanan kepada perkataan yang selalu berulang, perkataan yang mudah disebut, perkataan yang

khusus dalam bidangnya dan juga perkataan baharu ditemui. Jawapan tertinggi yang diterima adalah pada pendekatan yang terakhir iaitu guru-guru amat memberi penekanan kepada perkataan yang baharu ditemui.

Adapun dalam bahagian kedua iaitu menterjemah perkataan, soalan dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, soalan terus kepada cara guru menterjemahkan perkataan. Kedua, soalan kepada guru tentang cara terjemahan pelajar yang ditugaskan atau diminta.

**Jadual 5: Menterjemah Perkataan**

Pendekatan	Min	Sisihan Piawaian	Tahap
Saya menterjemah perkataan ke dalam bahasa Melayu	4.53	.554	Sangat Tinggi
Saya menterjemah perkataan dengan menerangkan maknanya dalam bahasa Arab	3.59	1.119	Tinggi
Saya menterjemah perkataan dengan memberi perkataan sama erti	3.68	.929	Tinggi
Saya menterjemah perkataan dengan melakukan aksi	4.00	.848	Tinggi
Saya menterjemah perkataan dengan membuat ayat	4.00	.968	Tinggi
Saya menterjemah perkataan dengan menggunakan gambar atau objek	4.00	.669	Tinggi
Saya mengajar pelajar cara menterjemah perkataan melalui kamus	3.12	1.098	Sederhana
Saya meminta pelajar menterjemah perkataan ke dalam bahasa Melayu	4.09	.815	Tinggi
Saya meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan menerangkan maknanya dalam bahasa Arab	3.29	1.180	Sederhana
Saya meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan memberi perkataan berlawanan	2.90	1.016	Sederhana
Saya meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan memberi perkataan sama erti	3.56	.909	Tinggi
Saya meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan melakukan aksi	3.85	.848	Tinggi

Pendekatan	Min	Sisihan Piawaian	Tahap
Saya meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan membuat ayat	3.18	1.035	Sederhana
Saya meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan menggunakan gambar atau objek	3.85	.848	Tinggi
Saya meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan berpandukan kamus	2.94	1.109	Sederhana

Jawapan yang diperolehi menunjukkan guru-guru memberi jawapan peratus tertinggi dengan skala empat dan lima, iaitu berkaitan dan amat berkaitan dengan mereka. Justeru, ini membuktikan bahawa guru-guru mempraktikkan pendekatan terjemahan yang dikemukakan. Adapun cara terjemahan yang paling banyak digunakan ialah menterjemah perkataan ke dalam bahasa Melayu.

Manakala cara terjemahan yang selalu digunakan pula ialah menterjemah perkataan dengan menerangkan maknanya dalam bahasa Arab, menterjemah perkataan dengan memberi perkataan sama erti, menterjemah perkataan dengan melakukan aksi, menterjemah perkataan dengan membuat ayat, dan menterjemah perkataan dengan menggunakan gambar atau objek. Adapun kaedah yang jarang diamalkan ialah mengajar pelajar cara menterjemah perkataan melalui kamus.

Hasil dapatan daripada kaji selidik guru-guru tentang cara terjemahan pelajar yang ditugaskan atau diminta menunjukkan majoriti guru banyak menggunakan kaedah yang dikemukakan dan selalu menggunakannya. Bagaimanapun, terdapat juga mereka yang kurang pasti dan tidak menggunakannya.

Cara yang paling banyak digunakan untuk memberi tugas kepada pelajar ialah meminta pelajar menterjemahkan perkataan ke dalam bahasa Melayu, meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan memberi perkataan sama erti, meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan melakukan aksi, dan meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan menggunakan gambar atau objek.

Terdapat empat cara yang jarang digunakan oleh guru-guru ketika memberi tugas terjemahan kepada pelajar iaitu: 1) meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan

menerangkan maknanya dalam bahasa Arab, 2) meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan memberi perkataan berlawanan, 3) meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan membuat ayat, dan 4) meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan berpandukan kamus.

Berdasarkan hasil dapatan ini, terdapat dua cara yang mendapat nilai min terendah; 2.90 dan 2.94 iaitu meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan memberi perkataan berlawanan dan meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan berpandukan kamus. Di sini, dapatlah disimpulkan bahawa majoriti guru tidak menggunakan dua kaedah yang disebutkan di atas.

**Jadual 6: Penerangan Makna Perkataan**

Pendekatan	Min	Sisihan Piawaian	Tahap
Saya membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna secara umum	3.58	.779	Tinggi
Saya membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna semua perkataan	4.00	.720	Tinggi
Saya membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna sebahagian perkataan	3.53	.965	Tinggi
Saya membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan tertentu sahaja	3.18	1.096	Sederhana
Saya membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan baharu sahaja	3.18	1.044	Sederhana
Saya meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna secara umum	3.43	1.029	Sederhana
Saya meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna semua perkataan	3.41	1.005	Sederhana
Saya meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna sebahagian perkataan	3.34	.996	Sederhana
Saya meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan tertentu sahaja	3.51	.971	Tinggi
Saya meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan baharu sahaja	3.43	1.006	Sederhana

Dari segi kaedah penerangan makna perkataan, terdapat empat kaedah yang selalu diamalkan oleh majoriti guru dalam pengajaran mereka iaitu:

- Membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna secara umum;
- Membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna semua perkataan;
- Membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna sebahagian perkataan; dan
- Meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan tertentu sahaja.

Selain empat kaedah yang disebutkan di atas, guru-guru juga menggunakan kaedah berikut dalam pengajaran mereka dan mendapat nilai min 3.18 hingga 3.43 iaitu pada tahap sederhana;

- Membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan tertentu sahaja;
- Membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan baharu sahaja;
- Meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna secara umum;
- Meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna semua perkataan;
- Meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna sebahagian perkataan; dan
- Meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan baharu sahaja.

**Jadual 7: Pengukuhan Perkataan**

Pendekatan	Min	Sisihan Piawaian	Tahap
Setiap period baru, saya mengulangkaji perkataan baharu sebelumnya	4.10	.673	Tinggi
Setiap period baru, saya mengulangkaji beberapa perkataan sebelumnya	4.13	.647	Tinggi

Setiap period baru, saya mengulangkaji kebanyakan perkataan sebelumnya	3.83	.820	Tinggi
Setiap period baru, saya mengabaikan ulangkaji perkataan baharu sebelumnya	2.36	1.122	Rendah

Jawapan yang diperolehi menunjukkan tiga soalan mendapat nilai min tertinggi iaitu 3.83 – 4.13. Ini menjelaskan majoriti guru mengamalkan pendekatan berikut dalam pengajaran mereka:

- Mengulangkaji perkataan baharu sebelum setiap period baharu;
- Mengulangkaji beberapa perkataan sebelum setiap period baharu; dan
- Mengulangkaji kebanyakan perkataan sebelum setiap period baharu.

Terdapat satu soalan sahaja yang mendapat tahap nilai min rendah iaitu 2.36, dan ini jelas menunjukkan guru-guru tidak mengabaikan sesi ulangkaji perkataan baharu sebelum setiap period.

**Jadual 8: Penggunaan Perkataan**

Pendekatan	Min	Sisihan Piawaian	Tahap
Operasi kelas dijalankan dalam bahasa Arab sepenuhnya	2.56	.930	Sederhana
Operasi kelas dijalankan dalam bahasa Melayu sepenuhnya	2.97	1.052	Sederhana
Operasi kelas dijalankan dalam dwi bahasa	3.81	.882	Tinggi
Operasi kelas dijalankan majoriti dalam bahasa Arab	2.73	.957	Sederhana
Operasi kelas dijalankan majoriti dalam bahasa Melayu	3.40	.946	Sederhana
Guru bercakap lebih daripada pelajar dalam kelas	3.43	.924	Sederhana
Pelajar bercakap lebih daripada guru dalam kelas	3.13	.968	Sederhana

Pendekatan	Min	Sisihan Piawaian	Tahap
Guru dan pelajar berinteraksi dalam kelas	4.24	.570	Tinggi
Guru sentiasa bercakap bahasa Arab dengan pelajar	2.81	.953	Sederhana
Guru sentiasa menggalakkan pelajar bercakap bahasa Arab	3.74	.817	Tinggi
Guru dan pelajar berinteraksi dalam bahasa Arab di luar kelas	2.56	1.102	Rendah
Aktiviti sekolah dijalankan dalam bahasa Arab	2.52	.995	Rendah

Dari segi penggunaan perkataan bahasa Arab, jawapan yang diperolehi menunjukkan tiga tahap pencapaian iaitu: tinggi, sederhana dan rendah. Sebanyak tiga soalan mendapat nilai min tinggi iaitu 3.74 – 4.24, dan ini menunjukkan majoriti guru mengamalkan aktiviti berikut untuk mengaktifkan penggunaan bahasa Arab:

- Operasi kelas dijalankan dalam dwi bahasa;
- Guru dan pelajar berinteraksi dalam kelas; dan
- Guru sentiasa bercakap bahasa Arab dengan pelajar.

Terdapat tujuh soalan yang mendapat nilai min sederhana. Justeru, dapatlah disimpulkan bahasa majoriti guru tidak pasti samada aktiviti di bawah berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka atau tidak. Aktiviti tersebut ialah:

- Operasi kelas dijalankan dalam bahasa Arab sepenuhnya;
- Operasi kelas dijalankan dalam bahasa Melayu sepenuhnya;
- Operasi kelas dijalankan majoriti dalam bahasa Arab;
- Operasi kelas dijalankan majoriti dalam bahasa Melayu;
- Guru bercakap lebih daripada pelajar dalam kelas;

- Pelajar bercakap lebih daripada guru dalam kelas; dan
- Guru sentiasa bercakap bahasa Arab dengan pelajar.

Daripada kesemua soalan yang diajukan, hanya dua soalan sahaja mendapat nilai min rendah iaitu: 1) Guru dan pelajar berinteraksi dalam bahasa Arab di luar kelas, dan 2) Aktiviti sekolah dijalankan dalam bahasa Arab. Hasil dapatan ini menunjukkan operasi kelas berjalan dalam bahasa Melayu secara majoriti dan tidak berlaku interaksi dalam bahasa Arab di antara guru dan pelajar di luar kelas.

## Penutup

Kajian ini merumuskan bahawa semasa proses pengajaran dan pembelajaran guru-guru bahasa Arab, mereka sangat memberi penekanan kepada perkataan yang berulang, perkataan yang mudah disebut, perkataan yang khusus dalam bidangnya dan juga perkataan baharu yang ditemui. Bahkan guru-guru juga turut menitikberatkan proses pengulangkajian perkataan-perkataan yang telah dipelajari.

Adapaun dalam soal selidik mengenai menterjemah perkataan, didapati guru-guru menggunakan kaedah menterjemah menggunakan kamus pada tahap yang sederhana. Selain itu, guru-guru juga ada menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar iaitu dengan meminta pelajar untuk memberikan terjemahannya terlebih dahulu sebelum menerangkan maknanya dalam bahasa Arab. Guru-guru juga ada meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan memberi perkataan berlawanan, dan juga dengan membuat ayat.

Kajian ini juga mendapati bahawa dari segi penggunaan perkataan bahasa Arab, operasi kelas dijalankan dalam bahasa Arab sepenuhnya adalah pada tahap yang rendah. Selain itu, interaksi guru dan pelajar dalam bahasa Arab di luar kelas juga tidak begitu memuaskan. Sebagai tambahan, aktiviti sekolah yang dijalankan dalam bahasa Arab juga didapati pada tahap yang rendah.

Berdasarkan dapatan kajian dan rumusan yang telah dinyatakan, kajian ini mencadangkan guru-guru untuk meningkatkan kekerapan mereka berinteraksi bersama pelajar menggunakan bahasa Arab sama ada di dalam atau di luar kelas mahupun melalui aktiviti sekolah. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Rosni Samah (2009:62) iaitu antara pendekatan yang boleh digunakan bagi meningkatkan penguasaan kosa kata ialah menggunakan kaedah latih tubi soal dan jawab terhadap murid supaya mereka boleh menggunakannya setiap masa, mengemukakan pelbagai situasi dialog dan cerita yang berkisar tentang kehidupan khususnya persekitaran sekolah, mendedahkan situasi berhubung dengan aktiviti kemasyarakatan dan situasi yang boleh membantu pelajar dalam penggunaan bahasa Arab.

Kedua, kajian ini juga mencadangkan guru-guru untuk mendapatkan khidmat nasihat pakar tentang bagaimana untuk mengendalikan sesebuah pengajaran sambil menitikberatkan penggunaan kamus yang berkesan dalam kalangan pelajar. Menurut *Tu'aimah* (1989:194) antara

cara mencari makna adalah melalui kamus. *Al-Naqah* (1985:161) dan Rosni Samah (2009:62) turut menjelaskan bahawa penggunaan kamus mampu menambahkan penguasaan kosa kata khususnya apabila menggunakan kamus Arab-Arab. Oleh yang demikian pengkaji menyeru pihak guru untuk meningkatkan lagi latihan kepada pelajar untuk mencari makna perkataan menggunakan kamus.

Ketiga, menurut Rosni Samah (2009: 62), kaedah *istima'* (mendengar) boleh menyebabkan pelajar mudah dan senang memahami ayat-ayat dan perkataan yang dipelajari. Melalui pendengaran ini juga akan dapat menambahkan kosa kata pelajar. Sebagai contoh mendengar *hiwar* (perbualan) atau berita merupakan latihan yang baik bagi menambah kosa kata. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kajian mengenai kaedah *istima'* yang digunapakai dalam kalangan guru serta keberkesannya untuk kajian seterusnya.

## Rujukan

- Abdul Hamid. (2010). *Mengukur Kemampuan Bahasa Arab untuk Studi Islam*. Cetakan I. Malang: UIN Malik Press.
- Acep Hermawan. (2014). *Metodologi Pembelajaran Bahasa Arab*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Ahmad Fuad Efendy. (2012). *Metodologi Pengajaran Bahasa Arab*. Cetakan V. Malang: Miskat.
- Al Naqah. Mahmud Kamil. 1985. *Ta'lim al Lughah al Arabiyyah Linnatiqina Biha*. Saudi: Universiti Ummul Qura.
- A'rif Karkhi Abu Khudhairi. (1994). *Ta'lim al-Lughat al-A'rabiyyat Li Ghairi al-Arab Dirasaat Fi al-Manaj Wa Turuq al-Tadris*. Kaherah: Dar al-Saqaafah.
- Bisri Mustafa & Abdul Hamid. (2012). *Metode & Strategi Pembelajaran Bahasa Arab*. Cetakan II. Malang: UIN Malang Press.
- Dep Dik Bud. (1990). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Cetakan III. Jakarta: Balai Pustaka.
- Edison de Cunha. *Developing English Teaching Materials for Vocabulary of First Grade of Junior High School*.
- Hans Wehr, A. *Dictionary of Modern Written Arabic, Arabic-English*. Cetakan III. Beirut: Makatabah Lubnan.
- Haznah Hamzah. (1999). *Penguasaan Dan Perbendaharaan Kata Bahasa Malaysia Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohamad Nasir Omar. (1996). *Pengajaran Bahasa Arab Kepada Pelajar-Pelajar Peringkat Permulaan Di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhamad Ali Al-Khuli. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Yogyakarta: Bansam Publishing.
- Muhbib Abdul Wahab. (2008). *Pemikiran Lingustik Tammam Hassan dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Cetakan I. Jakarta: Lembaga Penelitian UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Rosni bin Samah. (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: USIM.
- Sawai Haskanbancha @ Abdul Hadi Ibrahim. (1995). *Pengajaran Pertuturan Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Thai*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ta'imah, Rushdi Ahmad. (1989). *Ta'lu, al-Arabiyyah li Ghairi al-Natiqenabiha*. Ribath: ISISCO.
- Uril Bahrudin. (2016). *Bisa Bahasa Arab Bukan Hanya Mimpi*. Cetakan I. Sukohrajo: Tartil Institut.

- Virginia French Allen. (1993). *Techniques in Teaching Vocabulary*. Oxford American English. Oxford University Press.
- Zulhanan. (2014). *Teknik Pembelajaran Bahasa Arab Interaktif*. Cetakan I. Depok: Raja Grafindo Persada.